

SIRI KUPASAN ALKITAB



BERKHUTBAH
UNTUK
**KEMULIAAN
TUHAN**

ALISTAIR BEGG



PENERBITAN
KRISTIAN

Berkhutbah Untuk Kemuliaan Tuhan

Penulis : Alistair Begg
Penterjemah : Randy Singkee
Pembaca Pruf : Rasminah Oyok
Pereka Kulit buku : Chiang Juat Chin

Cetakan Pertama : Oktober 2021

Preaching for God's Glory

© Alistair Begg/Alliance of Confessing Evangelicals, 2010

Diterbitkan oleh Crossway, satu pelayanan penerbitan Good News Publishers
Wheaton, Illinois 60187, U.S.A.

Edisi Bahasa Malaysia diterbitkan oleh:

Wawasan Penabur Sdn. Bhd.

P.O.Box: 8327, Kelana Jaya

46787 Petaling Jaya, Selangor

wawasan.penabur@gmail.com

Semua petikan Alkitab, kecuali dinyatakan sebaliknya, diambil dari:
Alkitab Versi Borneo © 2016, Borneo Sabda Limited

Wawasan Penabur bekerja rapat dengan gereja-gereja berbahasa Malaysia untuk mengembang, menerbit dan menyebarkan bahan-bahan sumber Kristian dalam Bahasa Malaysia yang berasaskan Alkitabiah bagi kegunaan gereja dan umat Tuhan. Diilhamkan oleh pemimpin-pemimpin Kristian lintas-denominasi, Wawasan Penabur adalah satu organisasi bukan untuk keuntungan yang komited untuk melayani umat Kristian berbahasa Malaysia di Malaysia.

Tahukah anda bahawa anda boleh mendapatkan banyak bahan sumber Kristian (eBuku dan video) dalam Bahasa Malaysia secara percuma dalam talian di Sabda Harian (<http://sabdaharian.com/>)? Kunjungilah laman web mereka hari ini!

Hak Cipta Terpelihara.

Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian artikel, ilustrasi, dan isi kandungan buku ini dalam apa juga bentuk dan dengan cara apa juga sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Penerbit.



Daftar Isi

Kata Pengantar	1
1. Gerhana Khutbah Ekspositori	5
2. Apa Yang Terjadi Kepada Khutbah Ekspositori?	15
3. Ciri-ciri Khutbah Ekspositori	23
4. Manfaat Khutbah Ekspositori	31
5. Petunjuk Praktikal	39
6. “Siapakah Yang Sanggup Melaksanakan Tugas Sedemikian?”	47
<i>Untuk Bacaan Lebih Lanjut</i>	49



Kata Pengantar

Ini bukan hari yang baik untuk gereja evangelikal. Sesiapa sahaja yang ingin mundur sejenak dari apa yang sedang berlaku untuk mencuba menilai kehidupan dan masa kita akan memahami hal itu.

Dalam beberapa tahun kebelakangan ini, sejumlah buku penting telah diterbitkan dan kesemuanya berusaha untuk memahami apakah yang sedang berlaku, dan mereka mengatakan perkara yang hampir sama biarpun para penulisnya berasal dari latar belakang yang agak berbeza dan melakukan pekerjaan yang berbeza. Salah satu daripadanya adalah tulisan David F. Wells, seorang profesor teologi di Seminari Teologi Gordon-Conwell di Massachusetts. Ia bertajuk *No Place for Truth* (Tiada Ruang untuk Kebenaran). Yang kedua adalah oleh Michael Scott Horton, naib presiden *Alliance of Confessing Evangelicals*. Bukunya bertajuk *Power Religion* (Kuasa Agama). Yang ketiga adalah oleh seorang pastor *Grace Community Church* yang terkenal di California, John F.



MacArthur. Tajuk bukunya adalah *Ashamed of the Gospel* (Malu akan Injil). Setiap penulis ini menulis mengenai gereja evangelikal, bukan gereja liberal, dan seseorang dapat mengagak apa yang dikatakan oleh setiap mereka hanya dari tajuknya sahaja.

Namun tajuk-tajuk kecilnya bahkan lebih terbuka. Tajuk kecil bagi buku Wells berbunyi *Or Whatever Happened to Evangelical Theology?* (Atau Apa yang Berlaku pada Teologi Evangelikal?) Tajuk kecil bagi buku Horton adalah *The Selling Out of the Evangelical Church* (Penjualan Gereja Evangelikal). Tajuk kecil bagi hasil kerja John MacArthur pula menyatakan, *When the Church Becomes Like the World* (Ketika Gereja Menjadi Serupa dengan Dunia).

Apabila anda menggabungkan kesemua ini, anda menyedari bahawa para pemerhati yang teliti bagi adegan gereja saat ini melihat bahawa evangelikalisme hari ini benar-benar tidak berasas kerana ia telah meninggalkan warisan kebenaran evangelikalnya. Tesis buku David Wells adalah bahawa gereja evangelikal adalah sama ada telah mati atau sedang nazak sebagai kekuatan agama yang bermakna kerana ia telah melupakan apa yang diperjuangkannya. Daripada berusaha untuk melakukan pekerjaan Allah dengan cara Allah, ia berusaha untuk membangun sebuah kerajaan duniawi yang makmur dengan alat-alat sekular. Oleh itu, terlepas dari kejayaan yang nyata, kita telah “tinggal di syurga orang bodoh,” Wells menyatakannya dalam ucapannya di Persatuan Evangelikal Nasional pada tahun 1995.

John H. Armstrong, seorang ahli pengasas *Alliance of Confessing Evangelicals*, telah menyunting sebuah jilid yang bertajuk *The Coming Evangelical Crisis* (Krisis Evangelikal yang Akan Datang). Ketika dia ditanya tidak lama selepas itu apakah menurutnya krisis itu masih akan datang atau sebenarnya sudah ada di sini, dia mengakui bahawa berdasarkan pengamatannya, krisis itu sudah pun menimpa kita.

Alliance of Confessing Evangelicals coba menangani masalah ini melalui seminar-seminar dan konferensi-konferensi, program-program radio, majalah moden REFORMATION, Pertubuhan-pertubuhan Reformasi, dan tulisan-tulisan ilmiah. Rangkaian buku-buku kecil mengenai isu-isu hari ini adalah satu usaha lebih lanjut untuk tujuan maksud yang sama. Sekiranya anda merasa terganggu dengan keadaan gereja pada hari ini dan dibantu oleh buku-buku kecil ini, kami mengundang anda untuk mengunjungi Perikatan ini di laman sesawang kami: www.AllianceNet.org.

James Montgomery Boice
Alliance of Confessing Evangelicals

Bab 1




Gerhana Khutbah Ekspositori

Saya mempunyai sebuah ingatan yang jelas ketika sebagai seorang kanak-kanak kecil yang duduk di bangku panjang Gereja Tron St. George di Glasgow, menantikan permulaan kebaktian pagi. Pada lebih kurang tiga minit sebelum pukul 11, pegawai paroki akan menaiki tangga mimbar dan meletakkan sebuah Alkitab yang besar di atas podium. Selepas membukanya pada petikan yang berkenaan, dia akan turun, dan pendeta akan mengambil giliran untuk menaiki tangga itu dan duduk di mimbar yang berbentuk kon. Pegawai paroki akan menyudahkan tanggungjawabnya dengan menaiki tangga itu untuk yang kedua kalinya bagi menutup pintu mimbar dan meninggalkan pendeta untuk menyelesaikan tugasannya. Tidak ada keraguan dalam fikiran muda saya bahawa setiap bahagian daripada tatacara itu ditandai oleh makna yang signifikan. Jelas bahawa tidak ada alasan untuk pendeta itu berada di dalam mimbar selain dari Alkitab di mana dia memandang ke bawah ketika dia membaca. Saya memahami bahawa, berbeza dengan postur fizikalnya, pengkhotbah itu berdiri di bawah Alkitab, bukan di atasnya. Demikian juga, kita tidak banyak mendengar pada mesej yang



disampaikan oleh *pengkhotbah* tetapi pada mesej *Alkitab* itu. Kita menemukan, seperti yang dicadangkan oleh J. I. Packer, bahawa berkhotbah adalah “membiarkan teks berbicara.” Pemberitaan Firman Allah yang tepat adalah sangat berkuasa!



Tangga mimbar dan podium khutbah

Walaupun D. Martyn Lloyd-Jones menyuarakan keprihatinannya mengenai gaya sastera yang tertentu dalam khutbah-khutbah di Scotland, namun dia tidak akan mempertikaikan pemerhatian oleh James W. Alexander yang berikut: “Di antara para Presbyterian Scotland setiap lelaki dan setiap wanita, bahkan hampir setiap kanak-kanak, membawa *Alkitabnya* yang bersaiz poket ke gereja, dan tidak hanya melihat teksnya, tetapi mengesahkan setiap petikan; dan oleh kerana khutbah itu sebahagian besar adalah dari jenis ekspositori, konsekuensi yang diperlukan adalah bahawa seluruh umat menjadi akrab dengan struktur setiap kitab dalam

Alkitab, dan dapat mengingat semula setiap petikan bersama kebenaran yang tepat tentangnya”¹

Beberapa waktu dahulu, Richard Baxter yang saleh mengingatkan rakan-rakan sesama pendetanya tentang pusat utama berkhutbah dalam melaksanakan tugas mereka:

Kita harus serius, bersungguh-sungguh, dan bersemangat dalam setiap bahagian dalam pekerjaan kita. Pekerjaan kita memerlukan kemahiran yang lebih besar, dan terutama kehidupan dan semangat yang lebih besar, daripada apa pun yang kita lakukan. Ia bukanlah satu hal yang kecil untuk berdiri di hadapan jemaah, dan untuk menyampaikan mesej tentang penyelamatan atau hukuman, seperti dari Allah yang hidup, dalam nama Penebus. Ia bukanlah satu perkara yang mudah untuk berbicara dengan sederhana, sehingga orang yang paling bodoh pun dapat memahami kita; dan begitu serius sehingga hati yang paling mati juga dapat merasakan kita; dan begitu meyakinkan, sehingga para penentang yang paling sombong juga dapat dibungkam.²

DALAM BAYANGAN

Sayangnya, cabaran oleh Baxter sepertinya di luar kemampuan dan kemahuan kebanyakan pengkhutbah kontemporari, sehingga khutbah ekspositori yang sejati telah jatuh pada masa-masa sukar. Kira-kira lima puluh tahun yang lalu W. E. Sangster, seorang pengkhutbah Methodist yang hebat di Britain, memulakan satu jilid tentang khutbah dengan kata-kata, “Berkhutbah kini dalam bayangan. Dunia tidak mempercayainya.”³ Hari ini, pada permulaan alaf baru, situasinya masih teruk. Khutbah masih berada dalam bayangan, tetapi kali ini *kebanyakan gereja tidak mempercayainya*.

¹ James W. Alexander, *Thoughts on Preaching*. Edinburgh and Carlisle, Pa.: *Banner of Truth*, cetakan semula 1975, hlm. 240.

² Baxter, Richard. *The Reformed Pastor*. Edinburgh and Carlisle, Pa.: *Banner of Truth*, cetakan semula 1974, hlm. 117

³ W. E. Sangster. *The Craft of the Sermon*. Harrisburg, Pa.: Epworth Press, 1954, hlm. 1



Kebanyakan daripada apa yang kini terpancar dari mimbar-mimbar kontemporari tidak akan diperakui oleh Alexander atau Baxter atau Sangster sebagai sesuatu yang mendekati jenis khutbah ekspositori yang berdasarkan Alkitab, berfokus pada Kristus, dan mengubah kehidupan – jenis khutbah yang ditandai dengan kejelasan doktrin, suatu rasa graviti, dan hujah yang meyakinkan. Sebaliknya kita telah menjadi terlalu akrab dengan khutbah yang kurang memperhatikan Alkitab, memusatkan perhatian kepada diri sendiri, dan akibatnya hanya mampu memberikan kesan yang paling dangkal kepada kehidupan para pendengar. Lebih buruk lagi, sebahagian besar gereja tidak menyedari hakikat bahawa mereka diberikan plasebo, dan bukannya ubat yang mereka perlukan. Mereka berpuas hati dengan perasaan bahawa hal itu telah membawa kebaikan bagi mereka, satu perasaan yang menyembunyikan keseriusan situasi tersebut. Dengan ketiadaan roti, umatnya menjadi terbiasa dengan kek manis! Mimbar adalah untuk pengkhutbah. Kita membina pentas untuk para pelakon.

Beberapa tahun yang lalu, saya berpeluang untuk berbicara di sebuah konvensyen di Hong Kong. Perjumpaan itu diadakan di sebuah gereja Anglikan yang mempunyai sebuah mimbar yang tidak kami gunakan. Penganjur acara itu merasakan lebih baik jika kami tidak berada enam kaki di atas jemaah tetapi pada aras yang sama dengan para peserta. Oleh itu, mereka menyediakan podium kecil untuk menampung Alkitab semasa pengkhutbah berbicara. Saya berkongsi acara itu dengan seorang lelaki tua yang baik hati yang tidak pernah saya temui sebelum konvensyen itu. Kami berdua berbicara pada setiap pagi. Beberapa pagi saya berkhotbah terlebih dahulu, kadang-kadang dia pula yang akan melakukannya. Setiap kali dia memulakan sebuah mesej, tindakan pertamanya adalah mengalihkan podium kecil itu dan meletakkannya di tepi di mana ia tidak akan menghalang pergerakannya atau mewujudkan kesan bahawa dia sedang “berkhutbah” kepada orang ramai. Sebaliknya, dia akan berkata bahawa dia sedang menyampaikan sebuah ceramah, dan dia ingin memastikan para pendengar dapat bersantai dan mendapat manfaat dari gaya percakapannya. Apabila tiba masanya untuk saya berkhotbah, tindakan saya yang pertama adalah meletakkan

kembali meja itu ke tempat asalnya, yang menjadi pusat bagi acara itu. Para jemaah tertawa kerana corak ini berulang-ulang selama lima hari. Saya akan menggunakannya; rakan saya akan memindahkannya.

Sebelum minggu itu berakhir, dua kejadian telah berlaku yang mungkin atau mungkin tidak berkaitan. Pertama, saya menjelaskan kepada jemaah bahawa alasan saya meletakkan meja itu kembali setiap kali bukanlah sekadar supaya saya mempunyai tempat untuk meletakkan Alkitab saya, tetapi kerana saya tidak mahu mengabaikan simbolisme memiliki sebuah podium pusat dengan Firman Allah di tempat utama yang selayaknya. Lagi pula, saya memperhatikan jika pengkhotbah terjatuh atau menghilangkan diri, jemaah tetap akan memberikan tumpuan mereka di tempat yang betul – iaitu Kitab Suci. Saya tahu rakan pengkhotbah saya tidak menganggap hal ini sebagai satu teguran peribadi, yang mana menjadikan kejadian kedua semakin jelas.

Satu atau dua hari selepas itu, dia mengaku kepada saya bahawa dia merasa telah kehilangan semangat atau kekuatan sebenar dalam penyampaian mesejnya. Saya berasa sangat rendah hati sebagai seorang yang lebih muda untuk duduk dan mendengarkan luahan hatinya dan air matanya mencerminkan semangat yang semakin berkurang. Terlalu sederhana untuk menyatakan bahawa tindakan dia memindahkan podium itu setiap kali dia berbicara adalah satu simbol bagi sebuah keyakinan yang goyah mengenai keutamaan dan kuasa Kitab Suci. Tetapi pada masa yang sama saya mempunyai kecurigaan bahawa tindakan dia memindahkan podium itu adalah lebih dari sekadar gaya atau pilihan peribadi.

Susun atur dalam kebanyakan bangunan gereja kontemporari, termasuk gereja saya sendiri, sekurang-kurangnya boleh menggoda kepada bahaya untuk menciptakan kesan bahawa kita datang untuk mendengar daripada manusia, dan bukannya untuk bertemu dengan Tuhan. Sangatlah penting bagi kita untuk mengakui dan mengingati, dan saling membantu mengakui dan mengingati, bahawa kita berkumpul bersama sebagai gereja bukan untuk menikmati kefasihan berkhotbah (atau mengkritik



kelemahannya) tetapi untuk mendengar dan memperhatikan Firman Allah. Kita datang untuk dinasihati, bukan dihibur.

KARIKATUR KHUTBAH YANG BENAR

Jika gereja atau pastor dan pendeta mereka mula memikirkan tempat dari mana mesej disampaikan kepada jemaah sebagai sebuah pentas, ianya tidak dapat dielakkan bahawa karikatur pengkhotbah akan muncul untuk mengambil alih tempat pengkhotbah yang sebenarnya. Malangnya, inilah yang telah terjadi. Pada zaman kita, ekspositor Kitab Suci telah dikalahkan oleh pelbagai “pengganti” yang menyedihkan. Kita akan mempertimbangkan beberapa daripada mereka.

1. *Ketua pasukan sorak.*

Orang yang bermaksud baik ini mempunyai satu keperluan yang aneh, iaitu untuk disukai dan diterima. Apa pun konteks sebuah mesej yang tertentu, dia akan menjadi inspirasi yang sangat positif. Bagi dia, hari Ahad yang baik adalah hari di mana para pendengarnya banyak ketawa, dikuatkan dan saling meneguhkan, dan pergi dengan lebih yakin pada diri sendiri daripada ketika mereka tiba. Sama ada mereka berhadapan dengan kebenaran Firman Allah ataupun direndahkan oleh kehadiran Tuhan, sebahagian besar daripadanya hilang dari pandangan dalam pencarian keutuhan yang menggantikan keprihatinan tentang kekudusan. Individu seperti itu biasanya menyerahkan pengajaran Alkitab kepada kumpulan-kumpulan kecil atau pelajaran di rumah. Tugas pengkhotbah, menurutnya, adalah untuk “menyemangati mereka” dan mempersiapkan mereka untuk minggu yang menakutkan yang menanti mereka sebaik sahaja mereka meninggalkan bangunan itu.

Sayangnya, dalam kes seperti itu, domba-domba itu pergi dengan semangat dinaikkan tetapi tanpa dikuatkan, dan apabila gula yang disediakan dari khutbah susu kocak itu telah habis, mereka yang memiliki selera rohani apa pun akan mula berkeliaran mencari makanan yang lebih besar untuk jiwa mereka. Dengan demikian, tugas pengkhotbah yang benar tidak dilakukan.

2. *Ahli silap mata.*

Ketika kita mendengar jemaah mengatakan, “Bukankah apa yang dikatakannya itu sangat hebat dan menakjubkan?” kita tidak seharusnya segera menganggap bahawa berita itu baik. Apabila pengkhotbah menolak untuk melakukan kerja keras untuk menemukan maksud sebenar dari teks dalam konteksnya, dan ketika dia memisahkan penemuan dan aplikasi (penerapan), hampir semua hal dapat disampaikan – dan sering kali demikian!

R. W. Dale merujuk perkara ini dalam kuliahnya mengenai khutbah yang diberikan kepada fakulti dan pelajar-pelajar di Yale pada tahun 1876:

Saya selalu memikirkan muslihat-muslihat orang bijak yang menghiburkan orang ramai dengan menggosok sekeping duit syiling di antara tangan mereka sehingga ia menjadi seekor burung kenari, dan menarik keluar dari lengan kot mereka setengah dozen bola kaca yang diisi dengan air, dengan empat atau lima ekor ikan emas yang sedang berenang dalam setiap bola kaca itu. Bagi saya sendiri, saya suka mendengarkan seorang pengkhotbah yang baik, dan saya tidak mempunyai bantahan untuk dunia dihiburkan dengan muslihat-muslihat seorang ahli silap mata yang bijak; tetapi saya lebih memilih untuk mengasingkan silap mata dan khutbah: bermain silap mata pada pagi Ahad, bermain silap mata di gereja, bermain silap mata dengan teks Kitab Suci, tidak sesuai dengan selera saya.⁴

3. *Tukang cerita.*

Orang ini telah meyakinkan dirinya sendiri bahawa kerana semua orang menyukai cerita yang menarik dan kerana orang cenderung untuk tidak mengikuti ekposisi Alkitab, dia akan mengembangkan bakatnya dalam bercerita sehingga mengabaikan kerja keras ekposisi alkitabiah. Sudah tentu cerita-cerita adalah sebahagian daripada pengajaran Yesus. Tetapi hakikat bahawa semua perumpamaan-Nya, seperti yang kita telah pelajari di sekolah Minggu, “kisah duniawi dengan makna syurgawi” tidak memberikan

⁴ R. W. Dale. *Nine Lectures on Preaching*, Kuliah Yale 1876, London: Hodder & Stoughton, 1877, hlm. 127



izin kepada pengkhotbah kontemporer untuk menceritakan kisah-kisah tanpa makna surgawi yang tidak berguna di dunia!

4. Penghibur.

Sering kali pada hari ini seseorang diundang untuk berkhotbah tanpa memikirkan bahwa pengkhotbah itu adalah sebagai sebahagian daripada kumpulan pujian dan penyembahan. Sebaliknya, dia diundang untuk bersantai di “belakang pentas” sehingga tiba masanya untuk dia “melakukan bahagian pekerjaannya”. Saya tidak mahu mencerca motif mereka yang berfungsi dengan cara ini, tetapi saya ingin mempersoalkan kebenaran tatacara seperti itu. Ini cenderung memupuk satu persekitaran di mana orang-orang datang untuk duduk, bersantai, dan menilai persembahan itu daripada memiliki sikap hati seperti yang ditulis oleh seorang penulis lagu pujian:

*Tuhan, sabdalah, hamba-Mu mendengar,
Menantikan kata-kata kasih-Mu.
Sabdalah kepadaku dengan nama, Ya Tuhan,
Biarlah aku tahu itu untukku.⁵*

Terdapat satu perbezaan yang ketara dalam perspektif antara keseriusan yang penuh sukacita yang saya ingat dalam ruangan di Chapel Charlotte, Edinburgh, iaitu pada saat-saat terakhir sebelum tiba masanya untuk menaiki tangga mimbar dan semangat mahu menyampaikan khutbah dengan berkobar-kobar di kebanyakan gereja pada hari ini, di mana perkara yang kedua (penyampaian khutbah) lebih seperti sebuah bilik persalinan enam puluh saat sebelum permulaan.

5. Penyusun Sistematis.

Di sini saya merujuk kepada pengkhotbah yang memandang teks Kitab Suci hanya sebagai latar belakang untuk satu kuliah mengenai doktrin. Ini berbeza dengan individu yang dalam proses penafsiran (eksegesis) petikan itu menarik unsur-unsur doktrin Kristian. Rangka kerja teologi penyusun sistematik ini sangat ketara sehingga mendominasi eksposisi.

⁵ Frances Ridley Harvergal (1836-1879), “*Master Speak! Thy Servat Heareth*”, Himne, Mei 19, 1867.

Roy Clements merujuk hal ini sebagai khutbah parafrasa proposisional, yang menurutnya sangat cenderung untuk tidak mempunyai keterlibatan emosional dengan teks. “Akan wujud sedikit kepekaan terhadap genre sastera. Apokaliptik, puisi, penceritaan (naratif), perumpamaan, kesemuanya disama-ratakan ke tahap prosa dari buku teks teologi. Tidak ada usaha yang dilakukan untuk melakukan keadilan terhadap aspek lirik, dramatik, dan ironik dari teks.”⁶ Dapat dimengerti bahawa apabila kita mendengar khutbah yang seperti ini, kita tidak meragui kebenarannya, tetapi kita tertanya-tanya dengan ketiadaan semangat. Walaupun kita mengakui bahawa kerangka teologi seseorang mempengaruhi pandangan kita terhadap Alkitab, namun kita perlu bekerja keras untuk memastikan bahawa Kitab Suci mengatur kerangka kita, dan bukan sebaliknya.

6. Ahli psikologi.

Ini adalah yang mungkin kita sebut sebagai khutbah syarikat penerbangan. Dalam sebuah majalah syarikat penerbangan, terdapat satu bahagian tetap yang disediakan oleh seorang ahli psikologi. Saya biasanya akan membacanya, dan hampir setiap kali ia memberikan manfaat kepada saya. Saya telah mempelajari tips-tips yang berguna tentang membesarkan anak-anak remaja saya dan menangani ketidaksabaran, dan saya diingatkan untuk membeli bunga untuk isteri saya. Tetapi ia hanya mampu sejauh itu sahaja, atau mampu berjalan sehingga sana sahaja.

Malangnya, mimbar-mimbar gereja yang semakin bertambah telah dipenuhi dengan ahli-ahli psikologi pseudo yang telah memutuskan untuk menjadi penyedia “pandangan-pandangan yang berguna”, yang kebanyakannya dapat (dan sering kali) disampaikan tanpa merujuk kepada Alkitab. Ini adalah seperti sejenis pendekatan “mengisi ruang kosong” yang menyediakan tujuh prinsip untuk menjadi ayah yang efektif atau sepuluh cabaran utama yang dihadapi oleh pasangan pada hari ini. Ia bukan sesuatu yang luar biasa untuk bertemu dengan orang yang kekurangan zat dalam diet seperti ini dan mendengar mereka menangis dengan benar,

⁶ Roy Clements. *Expository Preaching in a Postmodern World*, The Cambridge Papers, September 1998.



seperti yang dilakukan oleh orang Israel pada zaman Nehemia, “Membawa keluar Kitab Suci Taurat” (Nehemia 8:1).

7. Pengkhutbah telanjang.

Dalam budaya kita yang “mendedahkan segalanya,” ianya semakin menjadi ikut-ikutan di kalangan para pengkhutbah untuk menggunakan mimbar sebagai sebuah tempat untuk berkongsi kesalahan dan kelemahan mereka, serta tempat untuk melakukan percubaan “keaslian” mereka. Dengan cara ini mereka memberitahu orang betapa “nyata”nya mereka, seolah-olah orang lain memerlukan pertolongan untuk melakukan penemuan seperti itu! Sekiranya kita berada di kalangan orang-orang kita dalam satu tempoh masa yang lama, mereka akan mempunyai banyak peluang untuk menyedari bahawa kita dan mereka adalah orang-orang berdosa yang telah ditebus. Khutbah tersebut biasanya bukan tempat yang terbaik untuk perkongsian seperti itu. Tangan kita penuh untuk memberitakan Injil, menunjukkan orang kepada Kristus, dan menceritakan *kisah itu*. Tidak wajar menggunakan masa itu untuk mengarah atau tunjuk kepada diri kita sendiri dan berkongsi *kisah kita*.

Senarai ini bersifat selektif dan tidak lengkap. Kita tidak akan mengulas di sini mengenai “ahli politik” atau “guru akhir zaman” atau “penunggang kuda sebagai hobi”. Walau bagaimanapun, saya tidak dapat menahan diri untuk berkongsi kisah G. Campbell Morgan mengenai pengkhutbah Baptist yang mempunyai pendirian tentang pembaptisan dan sering merujuk kepadanya. Suatu pagi dia mengumumkan teks khutbahnya – “Di manakah engkau, Adam?” (Kejadian 3:9). Dia melanjutkan, “Ada tiga baris yang harus kita ikuti. Pertama, di manakah Adam berada. Kedua, bagaimana dia diselamatkan dari tempat dia berada. Ketiga dan terakhir, beberapa perkataan tentang pembaptisan.”

Bab 2



Apa Yang Terjadi Kepada Khutbah Ekspositori?

Mengapakah khutbah ekspositori tidak ada dalam kebanyakan gereja pada hari ini? Oleh kerana hilangnya kepercayaan terhadap Kitab Suci, keasyikan dengan pertempuran yang salah, dan kekurangan suri teladan yang sangat baik, ramai pengkhotbah berkompromi terhadap panggilan mereka dan berbalik kepada harapan budaya.

HILANGNYA KEPERCAYAAN TERHADAP KITAB SUCI

Ketiadaan khutbah ekspositori secara langsung berkaitan dengan penurunan kepercayaan terhadap kewibawaan dan kecukupan Kitab Suci. Pada awal abad ke-19, garis pertempuran telah dilancarkan melawan kekuatan liberalisme. Kaum liberal mencabar mukjizat dan keajaiban, mempersoalkan keilahian dan menentang nilai sejarah dokumen-dokumen Perjanjian Baru. Kaum evangelikal mengharungi badai ini, dan gereja-gereja liberal yang kosong telah memberi kesaksian tentang kesia-siaan pencarian kaum liberal untuk satu Kristus yang dihilangkan mitologinya. Tetapi hari ini pertempuran itu lebih halus. Kitab Suci diabaikan dan



direndahkan dan digunakan hanya sebagai batu loncatan untuk semua jenis “percakapan” yang jauh tersasar dari eksposisi alkitabiah yang asli.

Adalah sangat mungkin untuk menghadiri satu kebaktian ibadah di sebuah jemaah yang mengakui evangelikal dan mendapati bahawa jika Alkitab dibaca atau dirujuk sepenuhnya (dan tidak ada jaminan itu akan berlaku), maka pengaruhnya tidak berpemberat kerana penyampaian atau penekanan yang tidak mencukupi. Terdapat sedikit (jika ada) perasaan pengkhutbah atau jemaah yang tunduk di bawah kewibawaan kemuliaan Firman Allah yang tertulis. Kita hidup pada zaman di mana bersikap tidak yakin dan tidak jelas sedang popular dan menjadi ikut-ikutan. Terdapat ketidakpercayaan yang kontemporari terhadap apa sahaja atau sesiapa pun yang yakin dan berwibawa. Para pastor muda terutamanya mungkin mendapati diri mereka terintimidasi dalam persekitaran seperti itu dan mula menyampaikan khutbah-khutbah yang mempunyai asal-usul dalam apa yang ingin didengar oleh orang lain dan bukannya apa yang dipilih oleh Allah untuk dikatakan dan diperintahkan.

Dick Lucas, pastor Gereja St. Helens Bishopsgate, London, menyoroti bahaya dalam pendekatan ini ketika dia berkata dalam salah satu konferensi pastor-pastornya, “Kerusi panjang gereja tidak dapat mengendalikan mimbar. Kita tidak boleh menyampaikan khutbah yang ‘dipimpin oleh permintaan’ kerana tidak ada yang menuntut Injil.”

Eksposisi Kitab Suci juga dihancurkan oleh daya tarikan dengan apa yang disebut sebagai “kata-kata nubuatan” yang kononnya sangat alkitabiah. Saya teringat seorang guru Alkitab terkenal di Britain yang dengan sengaja bergerak dari eksposisi Kitab Suci kepada pengucapan “kata-kata nubuatan”. Setelah membaca dari Kitab Suci, dia akan menutup Alkitabnya dan mengawali khutbahnya dengan berkata, “Inilah yang Tuhan katakan kepada kita sekarang.” Bahkan mereka yang mempunyai pendekatan yang lebih lembut berisiko mengalihkan pendengar lebih jauh dari bergantung pada kejelasan pada kecukupan Kitab Suci.

Sinclair B. Ferguson menulis tentang khutbah yang seperti itu, “Meskipun disangkal bahawa ada penambahan dibuat pada kanun Kitab Suci, namun demikian tersirat bahawa penambahan yang sebenar sedang dibuat pada kanun hidup. Jika tidak, penerangan Kitab Suci dan kebijaksanaan untuk mengaplikasikannya pasti mencukupi.”⁷

Dengan cara yang sama, keasyikan terhadap teori psikologi dalam banyak kes telah menghakis keyakinan terhadap Kitab Suci. Apabila intipati dari kesukaran manusia ditakrifkan semula dari segi kekurangan harga diri, maka hampir tidak dapat dielakkan bahawa orang akan diarahkan ke sofa tetapi bukan salib, kepada ahli psikologi dan bukannya Penyelamat. Sejauh mana hal ini terjadi dapat diukur dengan mendengarkan berbagai campuran psikologi dan teologi yang aneh, di mana sebahagiannya malah ditawarkan sebagai percubaan dalam khutbah ekspositori!

MELAWAN PERTEMPURAN YANG SALAH

Apabila para pastor dan pendeta menjadi yakin bahawa isu utama yang dihadapi oleh gereja adalah sesuatu yang bersifat politik atau psikologi dan bukannya teologi, eksposisi akan ditinggalkan demi pidato politik untuk berperang demi “jiwa bangsa.” Jemaah kemudian lebih digesa untuk mengundi daripada berdoa. Mereka digerakkan bukan kerana berdasarkan mandat ilahi, tetapi atas kekuatan agenda manusia.

Tidak ada pengkhutbah abad ke-20 yang lebih jelas tentang perkara ini daripada mendiang D. Martyn Lloyd-Jones. Ketika berkhotbah di Kanada dari 1 Tesalonika 1:5, dia mengisytiharkan:

Perkara yang membuat mesej Kristian menjadi Injil ialah bahawa ia adalah pengisytiharan berita baik. Ini bukan hanya sekadar komentar topikal tentang skandal terbaru di surat khabar atau berita terkini. Ia bukanlah kita menghabiskan masa untuk memberitahu raja-raja dan putera-putera dan presiden-presiden serta para perdana

⁷ Sinclair B. Ferguson. *The Holy Spirit*, Downers Grove, Ill.: InterVarsity Press, 1996, hlm. 231.



menteri tentang bagaimana mereka seharusnya memimpin negara mereka dan bagaimana mereka seharusnya menyelesaikan masalah antarabangsa. Kita tidak berkelayakan untuk melakukan sedemikian ... Apakah yang dikhutbah oleh Rasul? Adakah Rasul berkhutbah mengenai politik kepada orang-orang ini? Adakah dia mengatakan kepada mereka bahawa sudah waktunya kamu bersatu dan membentuk pasukan ketenteraan untuk membebaskan diri daripada belunggu Empayar Roma? Adakah dia membantah tentang cukai? Adakah dia memprotes pelbagai perkara yang sedang terjadi? Itu bukan mesejnya sama sekali. ⁸

Apakah isi khutbah rasul? Di manakah ia bermula? Apakah isinya yang pertama? Lloyd-Jones menjawab, "Allah!"

Para orang muda yang memulai pelayanan pastoral dikepung oleh para ahli jemaah yang menginginkan mereka memulakan khutbah mereka dengan fokus kepada manusia dan keperluannya, dan bukannya Allah dan kemuliaan-Nya. Keasyikan paranoid dengan satu alaf baru lebih banyak disebabkan oleh keasyikan dengan diri kita sendiri dan keperluan kita berbanding dengan kebergantungan yang rendah hati pada kebenaran Alkitab yang tidak pernah salah. Penawar bagi penyakit yang mematikan seperti ini adalah khutbah alkitabiah yang memungkinkan Kitab Suci menetapkan agenda.

KEKURANGAN SURI TELADAN YANG SANGAT BAIK

Saya tidak mengatakan tidak ada, tetapi mereka adalah sangat sedikit dan jarang. Kebanyakan orang muda yang meninggalkan seminari dan masuk ke pelayanan pastoral nampaknya terpicat dengan kisah-kisah kejayaan dramatik yang lebih didorong oleh "pasaran" daripada oleh corak dan ajaran kerasulan. Akibatnya ini adalah model yang lebih cenderung diterima pakai. Sayangnya, dalam kebanyakan situasi ini pendekatan pengajaran Alkitab hampir tidak bersifat ekspositori.

⁸ Tony Sargent, *The Sacred Anointing*, Wheaton, Ill.: Crossway, 1994, hlm. 254, 267

Supaya adil, kita harus mengakui bahawa individu-individu seperti ini sering memandang serius keperluan untuk melibatkan budaya kontemporari, yang merupakan satu niat yang wajar. Tetapi seperti yang kita telah lihat, kelemahan pada awal perkara ini adalah bahawa kita membiarkan budaya dan bukannya Alkitab untuk membangun, menetapkan dan mengendalikan pengisytiharan kita. Roy Clements menulis, “Jika kita berterusan membiarkan keasyikan dunia kita untuk menjadi landasan khutbah kita, kita pasti akan kehilangan atau terlepas pandang banyak perkara penting yang Allah mungkin ingin katakan kepada kita.”⁹

Dari sudut yang lain kita menemui orang lain, yang sama-sama keliru, yang mengaku lebih tahu. Mereka komited dan setia pada ekposisi Kitab Suci tetapi terkubur dalam teks itu sehingga mereka benar-benar terpisah dari budaya tempat mereka dipanggil untuk berkhotbah. Mereka seperti yang digambarkan oleh John Stott yang melepaskan anak panah dari teks alkitabiah tetapi gagal mengenakan sasaran budaya kontemporari. Anak panah itu terus naik dan turun mengenakan kepala mereka sendiri. Para pelajar Firman yang bermaksud baik dan setia ini sangat terikat dalam “sistem” mereka sehingga mereka tidak menemui apa yang berlaku apabila seseorang melakukan usaha yang munasabah untuk menyatukan dua cakerawala teologi alkitabiah dan budaya kontemporari.

Salah satu sebab bagi kehilangan minat dalam khutbah ekspositori sudah pastinya kerana terdapat banyak percubaan yang terbukti tidak bersemangat, tidak menarik, tidak bermaya, dan bahkan sangat membosankan. Saya tidak pernah berhenti untuk terpegun dengan kepintaran mereka yang mampu mengambil teks Kitab Suci yang berkuasa mengubah hidup itu dan menyampaikannya dengan penuh semangat seperti seseorang membaca dengan kuat dari buku Panduan Telefon!

Calvin berkata tentang pekerjaan Allah dalam berkhotbah, “Dia berhasrat untuk menguduskan mulut dan lidah manusia untuk melayani-Nya, membuat suara-Nya dapat didengari melalui

⁹ Roy Clements. *The Cambridge Papers*, September 1998



mereka. Setiap kali Allah berkenan untuk memberkati pekerjaan mereka, Dia menjadikan doktrin mereka berkesan dengan kuasa Roh-Nya; dan suara itu, yang bersifat fana, dijadikan alat untuk menyampaikan kehidupan kekal.”¹⁰

Di sini kita melihat kesignifikan yang tidak terukur bagi tugas pengkhutbah dan sekali gus penawar kesombongan. Ekspositor adalah hamba Allah, yang tunduk dan mengisytiharkan teks Kitab Suci. “Petikan itu sendiri adalah suara, ucapan Allah; pengkhutbah adalah mulut dan bibir, dan jemaah ... adalah telinga di mana suara itu didengar.”¹¹

Ekspositor bukanlah seorang penyair yang menggerakkan pendengarnya dengan irama dan citra, dia juga bukan seorang penulis yang membaca dari sebuah manuskrip. Dia adalah seorang pemberita yang berbicara dengan kuasa dan kewibawaan syurga. Lima puluh tahun yang lalu James S. Stewart mengatakan, dan itu masih benar sampai hari ini: “Penyakit bagi khutbah moden adalah ia mengejar populariti.”

Khutbah ekspositori bermaksud menghuraikan teks Kitab Suci dengan cara yang mewujudkan hubungan dengan dunia pendengar sambil meninggikan Kristus dan menghadapi mereka dengan keperluan untuk bertindak, dan kita perlu mengenal pasti serta meniru suri teladan dalam mengejar usaha yang mulia ini. Bagi saya, orang yang telah memimpin jalan ini (dan kesemua mereka kebetulan berasal dari seberang Atlantik) adalah Eric Alexander, Roy Clements, Dick Lucas, Derek Prime, dan D. Martyn Lloyd-Jones. Siapa pula bagi anda?

AKIBAT TIADANYA KHUTBAH EKSPOSITORI

Kegagalan dalam mempraktikkan khutbah ekspositori bukanlah satu perkara yang boleh dipandang ringan. Ada akibat-akibat yang sangat mahal. Nampaknya kita berbicara terlalu banyak

¹⁰ Nigel M. Cameron dan Sinclair B. Ferguson. *Pulpit and People*, penyunting. Edinburgh: Rutherford House, 1986.

¹¹ Gustaf Wingren, *The Living Word*, London: SCM, 1960, hlm. 201.

tentang perkara yang negatif dalam buku yang ringkas ini, tetapi itu hanya kerana perkara ini sangat penting.

1. *Kekeliruan.*

Ketika Paulus menulis surat kepada Titus dia memperingatkannya (dan kita) tentang “ramai pemberontak, orang yang bercakap kosong dan penipu” yang “mulut mereka mesti ditutupkan” (Titus 1:10-11). Ini jelas sekali adalah tanggungjawab para penatua. Bagaimana mereka dapat mencapai ini? Dengan pengetahuan yang mendalam tentang Kitab Suci dan Injil. Seorang penatua “mesti berpegang teguh pada perkhabaran yang layak dipercayai serta selaras dengan asas iman. Dengan demikian dapatlah dia menggalakkan orang menerima ajaran yang benar dan menunjukkan kesilapan mereka yang menentang ajaran itu” (ay. 9).

Ia adalah pekerjaan Firman untuk mengajar, menegur, memperbetul, dan melatih agar umat Tuhan dapat menjalani pelayaran kehidupan dilengkapi dengan pencarian dan penyelamatan. Apabila Alkitab tidak diterangkan secara sistematik, jemaah sering belajar sedikit tentang banyak hal tetapi biasanya tidak memahami bagaimana semuanya saling melengkapi. Mereka seperti para pekerja di kilang pemasangan kereta yang tahu bagaimana memasang komponen tertentu tetapi masih sangat tidak memahami bagaimana ia bersesuaian dengan proses yang selebihnya. Orang yang paling berbahaya di gereja-gereja kita adalah mereka yang rentan dan mudah terpengaruh dengan semua jenis fesyen semasa dan kemewahan; mereka sering menjadi ujian bagi diri mereka sendiri dan juga orang lain.

Sangat mengejutkan bahawa dalam masa kekeliruan moral dan doktrin yang hebat, Paulus menasihati Timotius untuk tidak menghabiskan masanya mempelajari jawapan yang bijak bagi pertanyaan-pertanyaan yang bodoh, sebaliknya memberikan waktu dan tenaganya untuk memberitakan Firman Allah (2 Timotius 4:2-5).

2. *Kekurangan zat makanan.*

Seperti yang ditulis oleh Walter C. Kaiser:



Bukan rahsia lagi bahawa Gereja Kristus tidak berada dalam keadaan yang sihat dalam banyak tempat di dunia. Ia telah menjadi lembap kerana ia telah diberi makan, seperti istilah yang digunakan sekarang, “makanan ringan”; semua jenis pengawet tiruan dan pelbagai jenis bahan ganti yang bukan semula jadi telah dihidangkan kepadanya. Akibatnya, kekurangan zat makanan teologi dan alkitabiah telah menimpa generasi ini dan telah mengambil langkah besar untuk memastikan kesihatan fizikalnya tidak dirosakkan oleh makanan atau produk yang berbahaya kepada tubuh mereka. Pada masa yang sama kebuluran rohani di seluruh dunia kesan daripada ketiadaan penerbitan asli Firman Allah (Amos 8:11) terus berleluasa dan hampir tidak dapat dihentikan di kebanyakan Gereja. ¹²

Ibrani 5:12-13 menggambarkan mereka yang terbantut dalam pertumbuhan sebagai akibat kerana masih bergantung kepada “makanan bayi.” John Brown dari Haddington memberi komen tentang keadaan mereka: “Dengan mengabaikan makanan yang sepatutnya, mereka merosakkan selera rohani mereka, kekuatan pencernaan, dan telah membawa diri mereka ke keadaan masa kanak-kanak kedua.”¹³ Rasul Paulus menggabungkan kedua-dua gambaran itu ketika dia menyebutkan “kanak-kanak, dipukul ombak dan ditiup ke sana ke mari oleh setiap angin pengajaran orang, tipu daya manusia, dan putar belit muslihat jahat” (Efesus 4:14).

Ubat pencegahan penyakit ini adalah pelayanan khutbah dan pengajaran yang telah ditetapkan oleh Allah untuk membawa umat-Nya menjadi dewasa.

¹² Walter C. Kaiser. *Toward an Exegetical Theology*. Grand Rapids, Mich.: Baker, 1981, hlm. 7-8

¹³ John Brown. *Hebrews*. Edinburgh and Carlisle, Pa.: Banner of Truth, 1994, hlm. 269